

**TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH
TADIKA 2016/17 DAN PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KITAR
SEMULA BAGI TAHUN 2015
15 JULAI 2016 (JUMAAT), 10.00 PAGI**

Yang Berusaha En. Ooi Chao Syhhuan
District Governor 2014-15, Lion Club International
District 308 b2 Malaysia

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Memandangkan harini adalah bersamaan 10 Syawal 1437 hijrah dan saya percaya semua yang hadir pada hari ini masih lagi berada dalam *mood* hari raya, maka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua.

Walaupun dalam mode bergembira sempena Syawal, tugas dan tanggungjawab tetap dilaksanakan dengan sempurna. Jutaan terima kasih kepada Lion Club International kerana sudi menjadi penaja utama bagi Anugerah Kitar semula sekolah tadika. Terima kasih juga kepada para pengusaha dan guru tadika kerana turut memberi kerjasama dalam menyertai anugerah ini. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan MPSP kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2016/17 dan Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula Bagi Tahun 2015.

Para hadirin sekalian,

Tujuan anugerah kitar semula sekolah tadika ialah untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah - sekolah tadika dalam program 4R (Rethink, Reduce, Reuse and Recycle). Penglibatan sekolah tadika dalam memupuk

kesedaran terhadap kitar semula adalah merupakan satu langkah yang penting kerana peringkat tadika merupakan pendidikan awal yang akan melentur pemikiran dan adab sesebuah generasi. Generasi muda ini, dalam tempoh 20 tahun yang mendatang, merekalah yang akan menjadi pengganti kepada pemimpin harini.

Jika dilihat jumlah penyertaan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 46 buah tadika dan pada tahun 2015 adalah sebanyak 54 buah tadika. Untuk Anugerah Kitar semula bagi tahun 2016, pertandingan ini akan dibuka dari Julai 2016 hingga 31 Mei 2017. Hadiah - hadiah yang disediakan ialah 20 hadiah cemerlang bernilai RM200.00 setiap sekolah dan 20 hadiah saguhati bernilai RM100 setiap sekolah. Jumlah keseluruhan tadika yang berdaftar di MPSP ialah 199 buah tadika swasta dan 78 buah tadika perpaduan. Bagi tadika swasta hanya 11 % yang telah mengambil bahagian dalam Anugerah ini. Pihak MPSP amat berharap untuk Anugerah Kitar Semula bagi tahun 2016/17 ini, jumlah penyertaan akan bertambah. Penyertaan bagi tabika perpaduan pula adalah sebanyak 44%. Sebanyak 7 buah tadika telah layak untuk menerima Anugerah Cemerlang dan sebuah tadika telah layak menerima Anugerah saguhati bagi Anugerah Sekolah Tadika 2015.

Senarai pemenang dan beratan kitar semula yang berjaya dikumpul adalah seperti berikut:

Bil	Tadika	Beratan Barangkitar semula yang dikumpul (kg)
1	TADIKA NIBONG TEBAL	425 kg
2	TADIKA MENARA GADING	402 kg
3	TADIKA PERPADUAN SRI RAMBAI 2&3	342 kg
4	TADIKA PERPADUAN B GARDEN	329 kg
5	TADIKA PERPADUAN BERAPIT	301 kg
6	TADIKA SJKC TRUE LIGHT	343 kg
7	TADIKA PERPADUAN SG RAMBAI / DESA WAWASAN	310 kg

Bil	Tadika	Beratan Barangkitar semula yang dikumpul (kg)
1	TADIKA PERPADUAN SRI RAMBAI 4	202 kg

Secara purata, bilangan murid sekolah ialah seramai 30 orang. Oleh itu beratan kitar semula yang berjaya dikutip tidaklah terlalu tinggi serta kutipan hanya dijalankan bagi tempoh 6 bulan sahaja.

Bagi sekolah yang tidak menerima anugerah ini, adalah disebabkan, berat kutipan yang tidak melebihi 50kg. Jumlah kutipan bagi sekolah tadika yang tidak menerima anugerah ini pula adalah sebanyak 2100kg. Oleh kerana itu, tempoh untuk Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2016/2017, telah dipanjangkan untuk tempoh 12 bulan.

Jika dilihat, bilangan penyertaan anugerah ini masih rendah dan MPSP telah mengambil langkah bersama pihak penaja untuk meningkatkan promosi bersama. Sehubungan dengan itu, satu bengkel kitar semula telah diadakan pada 18 Jun 2016 untuk memberi latihan kepada 10 orang jurulatih daripada Kelab Lion. Jurulatih ini akan menerima sijil perlantikan sebentar lagi. Sebagai rakan pengajur, jurulatih ini bertanggungjawab juga untuk melawat memberi bimbingan dalam kesedaran kitar semula, pengkomposan dan menghargai makanan untuk mengelakkan pembaziran.

Tuan - tuan dan puan - puan sekalian,

1 Jun 2016, perlaksanaan pengasingan sisa di punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi

kawasan taman perumahan. Untuk makluman hadirin, pihak MPSP telah menyediakan seramai 62 orang pemandu, 62 orang pekerja am dan 62 buah lori tipper bagi menjalankan kutipan sisa kitar semua bagi kawasan taman perumahan.

Setiap kutipan sisa kitar semula di kawasan taman perumahan akan dihantar ke depo pembersihan mengikut zon masing-masing. Terdapat lapan buah depo di kawasan Seberang Perai ini iaitu:

1. Depo Pembersihan Kepala Batas
2. Depo Pembersihan Tasek gelugor
3. Depo Pembersihan Bagan
4. Depo Pembersihan Ampang jajar
5. Depo Pembersihan Berapit
6. Depo Pembersihan Jalan Betek
7. Depo Pembersihan Asas Murni
8. Depo Pembersihan Jawi

Semenjak perlaksanaan dasar pengasingan sisa di punca ini dijalankan, dapat dibuat rumusan tahap pemahaman penduduk kawasan taman perumahan di Seberang Perai mengenai keperluan pengasingan sisa

dipunca ini. Tahap pemahaman yang dapat dilihat terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Masih terdapat penduduk yang tidak memahami mengenai perlaksanaan dasar pengasingan sisa dipunca ini.
2. Terdapat penduduk yang memahami mengenai dasar pengasingan sisa di punca dan keperluan untuk melaksanakan namun enggan berbuat demikian dengan alasan tiada masa untuk mengasingkan sisa mereka.
3. Golongan yang ketiga, penduduk mengetahui serta memahami dan mengamalkan mengasingkan sisa di punca ini.

Aktiviti promosi, penerangan akan terus dibuat dari masa ke semasa secara terus menerus bagi mewujudkan kesedaran dikalangan penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang Umumnya.

Hadirin yang dihormati,

Mungkin ada dikalangan kita yang tertanya - tanya, apakah motif Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini dan apakah sasaran MPSP sendiri dalam perlaksanaan dasar ini.

Bagi sasaran MPSP terdapat 5 perkara yang ingin dicapai seiring dengan Perlaksanaan dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini, iaitu:

1. Meningkatkan kadar kitar semula sehingga 50% menjelang 2020
2. Mengurangkan kos pelupusan sampah
3. Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah
4. Mengurangkan pelepasan gas-gas yang berbahaya hasil daripada penguraian sampah
5. Menggunakan semula barang sediada sebagai sumber baru.

Saya ingin membawa hadirin sekalian memahami bagaimanakah sampah diuruskan di Seberang Perai dan mengapakah Majlis Perbandaran Seberang Perai amat menggalakkan aktiviti pengurangan sisa yang dijana dan sebolehnya menuju kepada sisa sifar.

Semua sampah yang dijana oleh Pulau Pinang dilupuskan di Tapak pelupusan Pulau Burung yang terletak di Nibong Tebal. Tapak pelupusan

ini terdapat dua fasa sedia ada, dan fasa ketiga masih dalam pembinaaan. Bagi fasa 1 dan Fasa 2, ia hanya mampu bertahan sehingga hujung tahun 2016 ini sahaja. Memandangkan setiap hari jumlah sampah yang dilupuskan adalah tinggi. Sebenarnya setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Apabila tapak pelupusan fasa ketiga, ia dijangka dapat bertahan selama 25 tahun. Jika tapak pelupusan fasa ketiga ini juga telah penuh, dimanakah lagi sampah akan dilupuskan, sedangkan Pulau Pinang adalah sangat terhad dengan tanah dan harganya juga mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari yang dihantar ke Pulau Burung, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa melalui pengasingan sisa di punca dan aktiviti pengkomposan, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan - tuan dan Puan - puan yang dihormati sekalian,

Selaku guru dan pendidik di peringkat pendidikan pra sekolah ataupun tadika ini. Ia merupakan satu platform yang penting dalam memberi keterangan dan kefahaman kepada kanak-kanak dalam “do’s and don’t’s” dalam kehidupan sehari-hari mereka. Secara fitrahnya, kanak-kanak akan lebih mudah mengingati apa yang diajar dan setiap didikan tersebut dibudayakan dalam kehidupan sehari-hari. Melentur buluh biarlah dari rebungnya, bukanlah hanya satu kata bidalan biasa tetapi merupakan fakta yang tidak dapat kita nafikan.

Kita sendiri sedari kecil telah dididik dengan larangan membuang sampah merata - rata, menjaga kebersihan dan menghargai alam sekitar, dan didikan ini masih lekat di minda kita hingga dewasa.

Membentuk diri menjadi *positive agent of change*, bukanlah perkara sukar, kerana ia berbalik kepada diri kita sendiri. Kita juga harus menjadi contoh tauladan kepada generasi mendatang yang kini masih di peringakat tadika ataupun pra sekolah agar apa yang kita lakukan harini akan berkesinambungan pada masa hadapan.

Saya dengan ini melancarkan Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika 2016/17 dan Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula Bagi Tahun 2015

Sekian, terima kasih.